

# KOLEKSI PERIBAHASA DAN UNGKAPAN MENARIK

SPM 2023



DISEDIAKAN OLEH:  
PANITIA BAHASA MELAYU SMA NILAI



## (ISI KANDUNGAN)

ADAB	M/S 3-4
ADAT	M/S 5
ADIL	M/S 6
AKAL	M/S 7
PERIHAL ANAK-ANAK	M/S 8-9
BERANI DAN KEBERANIAN	M/S 10

## (ADAB)

Peribahasa :

1. Belum duduk sudah berlunjur
2. Bercakap siang pandang-pandang, bercakap malam dengar-dengar
3. Biar buruk kain dipakai, asalkan pandai mengambil hati - *[Biar miskin asalkan berbudi bahasa dan berhati mulia]*
4. Datang tampak muka pergi tampak belakang
5. Elok bahasa bakal hidup, elok budi bakal mati
6. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak - *[Apabila kita berada di tempat orang, kita hendaklah mengikut adat resam masyarakat di situ]*

UNGKAPAN MENARIK :

1. Adab dan perangai yang baik itu membataskan antara baik dan keji.
2. Berpedomankan adab: dalam khalayak manusia ada haiwan jalang, tetapi dalam masyarakat haiwan tiada manusia jalang.
3. Orang yang berakal tetapi tidak mempunyai adab, seumpama pahlawan tanpa senjata.
4. Yang meninggikan darjat seseorang ialah akal dan adabnya, bukan asal nasabnya. (**Aristotle**)
5. Kebersihan jiwa terpancar apabila bergaul dengan orang-orang yang beradab dan berbudi mulia kerana daripada mereka dikutip manfaatnya.
6. Kecantikan yang abadi adalah daripada keelokan adab dan ketinggian ilmu bukan daripada kecantikan wajah dan perhiasannya. (**Hamka**)
7. Untuk mengenalkan akhlak dan peribadi seseorang, berilah kepadanya kuasa kemudian lihatlah daripada tindakannya. (**Voltaire**)
8. Semulia-mulia manusia ialah sesiapa yang mempunyai adab, yang merendah diri dalam berkuasa, pemaaf ketika berdaya membalaunya dan adil ketika kuat. (**Khalifah Abdul Malik bin Marwan**)
9. Sifat utama seorang pemimpin ialah beradab dan mulia hati. (**Imam Al Ghazali**)
10. Adab dan akhlak adalah seperti pokok, dan kemasyhuran adalah seperti bebayangnya. Biasanya orang lebih melihat bebayang daripada melihat pokoknya. (**Abraham Lincoln**)

11. Ciri-ciri orang beradab adalah sangat rajin dan suka belajar walaupun mempelajari sesuatu daripada orang yang lebih rendah darjatnya. (**Confucius**)
12. Bergaullah dengan manusia yang adab dan akhlaknya baik dan berpisahlah dengan mereka dengan perbuatan yang baik. (**Umar Al Khattab**)

## (ADAT)

PERIBAHASA :

1. Adat air cair, adat api panas
2. Adat ayam ke lesung, adat itik ke limbahan
3. Adat berjuara kalah dan menang
4. Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah
5. Adat bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah. Syarak mengata, adat memakai. Masjid sebuah, balairung serueng.
6. Adat dipakai baru, kain dipakai usang – [setiap tempat dan negeri ada peraturannya].
7. Adat menyabung adat gelanggang
8. Adat muda menanggung rindu, adat tua menanggung ragam
9. Adat negeri memagar negeri, adat kampung memagar kampung
10. Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak
11. Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung
12. Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung
13. Adat teluk timbunan kapal, adat gunung timbunan kabut
14. Airnya disauk, rantingnya dipatah, lembahnya dirasa
15. Biar mati anak jangan mati adat
16. Habis adat kerana rela
17. Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
18. Usang-usang diperbaharui, lapuk-lapuk dikajangi, yang elok dipakai, yang buruk dibuang

## (ADIL)

UNGKAPAN MENARIK :

1. “Hendaklah kamu berlaku adil dan jauhilah kezaliman. Jangan mungkir apabila berjanji, jangan melanggar jika engkau telah membuat kebaikan”. (**Sayyidina Ali**)
2. Berani menegakkan keadilan walaupun kepada diri sendiri ialah kemuncak segala keberanian (**Hamka**)
3. Bersikap lemahlah apabila mengadili orang lain tetapi sentiasa bertegas apabila mengadili diri sendiri (**W J Brown**)
4. Hendaklah kamu berlaku adil pada diri seorang raja, laksana sebentuk mutiara. Meskipun pemiliknya telah mati mutiara itu kekal memancarkan cahayanya (**Hukama**)
5. Jangan sesekali berharap bahawa keadilan dan kemakmuran itu akan datang jikalau kemerdekaan yang tuntas belum terlaksana (**George Washington**)
6. Judi ialah kerakusan , kakak daripada ketidakadilan, dan bapa daripada malapetaka (**George Washington**)
7. Keadilan itu kubu yang tak dapat dikarami air, tidak hangus dibakar dan tidak hancur dimamah peluru (**Prof Zulkifli Muhammad**)
8. Keadilan itu syurga kepada yang dizalimi dan neraka kepada yang menzalimi (**Umar Al Khattab**)
9. Membalas kebaikan dengan segera dengan kebaikan juga bernama keadilan; jika dilengahkan itulah penganiayaan (**Hukama**)
10. Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah (**Hang Jebat**)
11. Tidak ada keadilan kecuali dalam kebenaran, tidak ada kebahagiaan kecuali dalam keadilan (**Emilie Zola**)

## (AKAL)

PERIBAHASA :

1. Hidup berakal, mati berhantu – [Orang berilmu dan berakal sentiasa berpegaruh semasa hidup dan selepas mati]
2. Lubuk akal tepian ilmu
3. Akal tidak sekali datang, runding tak sekali tiba
4. Ilmu pelita hati, nasihat pelita akal
5. Ilmu dan akal di halai-balai, itulah tanda orang yang lalai
6. Habis akal, baru tawakal - [Sesudah habis segala ikhtiar barulah berserah kepada Tuhan]
7. Jauhari juga yang mengenal manikam - [Orang yang bijaksana juga yang mengetahui kelebihan sesuatu ilmu]
8. Terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina - [Orang yang bijaksana dapat mengetahui maksud seseorang daripada gerak-gerinya]

UNGKAPAN MENARIK :

### SAIYIDINA ALI

- Apabila akal kurang digunakan nescaya banyaklah berkata-kata.
- Kemuliaan ialah akal dan adab sesuatu bangsa
- Teman manusia yang sebenar ialah akal dan musuh manusia yang sebenarnya ialah jahil

### HAMKA

- Akal membentuk budi dan kebudayaan. Sekiranya akal tidak dikawal oleh agama dan wahyu terjerumuslah manusia kepada kehancuran.
- Akal membentuk budi dan membentuk budaya, tanpa budi dan budaya manusia terjerumus kepada kehancuran
- Akal mempertahankan barang yang pahit tetapi manis natijahnya. Nafsu mempertahankan barang yang manis tetapi pahit natijahnya.
- Hilang harta dapat diusaha, hilang budi nama tercela, akal rosak tanda binasa

## (PERIHAL ANAK-ANAK)

PERIBAHASA :

1. Anak baik menantu molek
2. Anak cantik menantu molek
3. Anak perempuan gunanya satu persepuluhan daripada anak lelaki - \*Peribahasa Cina.
4. Anak seorang menantu malim
5. Hantarlah ke luar negeri anak yang paling kamu sayangi - \*Peribahasa Jepun
6. Ibu yang sibuk anak perempuan jadi berat tulang - \*Peribahasa Portugis
7. Kahwinkanlah anak lelakimu apabila kamu mahu, tetapi kahwinkan anak perempuanmu apabila kamu boleh - \*Peribahasa Scottish
8. Masa kecil anak, setelah besar onak
9. Pukul anak sindir menantu
10. Sayang akan anak pimpinlah baiik-baik, sayang akan orang tua jagalah baik-baik - \*Peribahasa Aceh

UNGKAPAN MENARIK :

AL HADIS:

1. Anak-anak ialah bunga hidup. Anak-anak ialah harum-haruman rumah tangga ubat jerih dan pelerai sakit. Kepada anak-anak tergantung harapan keluarga menjadi penghubung cita-cita dalam segenap kesulitan.
2. Apabila mati seorang anak Adam, nescaya terputuslah amalannya, kecuali tiga perkara; ilmu yang diajarkan untuk manfaat manusia, sedekah dan infaq dan anak yang baik-baik (soleh) yang mendoakan kesejahteraan kedua-dua ibu bapanya.
3. Jangan dipaksa-paksakan anak-anak perempuan. Mereka ialah bunga yang mahal harganya.
4. Peliharalah anak-anakmu dan perbaikilah budi pekerti mereka. Sesungguhnya, anak-anak itu hadiah daripada Allah.
5. Sesungguhnya, Allah menyukai sekali supaya kamu adil terhadap anak-anak hatta dalam memberikan ciuman pun.

HAMKA:

1. Agar tidak terasa lelah mengasuh anak, Allah tanamkan nikmat kasih sayang di dalam hati ibu bapa sehingga terasa hilang bebannya.
2. Anak adalah untuk zaman yang akan datang dan bukan untuk zaman kita. Salahlah pendidikan orang tua yang hendak membuatkan anak-anak seperti mereka juga.
3. Sewaktu kecil anak lelaki menjadi perhiasan mata kerana kelucuannya, setelah besar menjadi kebanggaan atas kejayaannya.

### JOSEPH ADDISON

1. Anak-anak umpama pokok-pokok bunga yang cantik dan ang menyuburkannya sebagai baja ialah ibu bapa.
2. Ibu bapa selalu berbuat sesuatu untuk anak cucu, sebaliknya anak cucu jarang sekali berbuat sesuatu untuk ibu bapa.
3. Wang hanya barang kasar yang penting manakala yang menjadi talian ibu bapa dengan anak-anak adalah cinta, kasih sayang, yakin, hormat dan taat.

### SAIYIDINA UMAR AL KHATTAB

1. Didiklah anak-anakmu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka dijadikan Allah untuk zaman yang bukan sewaktu dengamu.

## (BERANI DAN KEBERANIAN)

PERIBAHASA :

1. Tidak tertikam tuah oleh berani – [Tuah dan nasib yang baik kadang-kadang tiada tertewas oleh keberanian]
2. Apabila kucing tiada bergigi, tikus berani melompat tinggi – [Orang bawahan semakin berani apabila ketiadaan tuannya]
3. Diturutkan hati yang geram, hilang takut timbul berani – [Kemarahan yang melampau membuatkan seseorang menjadi berani]
4. Kerana takut jadi berani – [Desakan dan tekanan menjadikan seseorang lebih berani]
5. Berani malu takut mati – [Tidak mahu bertanggungjawab atas perbuatan salah sendiri]
6. Kembang jarak kembang jagung, berani buat berani tanggung – [Bersedia mengambil risiko atas sesuatu perbuatan]
7. Berani kerana benar takut kerana salah
8. Kalau takut dilambung ombak usah berumah di tepi pantai
9. Kail sejengkal panjang, lautan dalam usah diduga
10. Berani menuai berani membeli, berani pegang berani tanggung – [Bersedia menanggung risiko atas sesuatu aktiviti atau program yang dianjurkan]
11. Berani senduk pengedang, air hangat direnangi – [Berani yang membuta-tuli]
12. Berani mati sebelum mati, berpantang maut sebelum ajal

UNGKAPAN MENARIK :

1. Kehilangan harta tidak penting, kehilangan kehormatan adalah lebih parah dan paling celaka kehilangan keberanian (**Goethe**)
2. Marilah kita bersikap berani sehingga berasa bangga menyambut kita (**Shakespeare**)
3. Hanya orang yang mempunyai keberanian mampu menanggung beban daripada pengalaman yang buruk dan dihadapi dengan bijaksana (**Shakespeare**)
4. Orang yang dapat melawan hawa nafsunya dan menahan kemarahan yang bernyala-nyala ialah pahlawan yang benar-benar berani (**Pendeta**)
5. Musuh yang paling berbahaya ialah penakut dan ragu. Teman yang paling menguntungkan ialah keyakinan dan keberanian (**Jackson**)



“Barangsiapa yang bersungguh, ia pasti berhasil”

